

Pekerja diingat bahaya gugat pelabur

Oleh RUHANIE AHMAD

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan Kesatuan-kesatuan Sekerja landasan ekonomi negara akan runtuh sekiranya mereka berterusan mewujudkan konfrantasi dengan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

majikan dan Kerajaan. Timbalan Perdana Menteri juga berkata golongan pekerja tidak seharusnya bersikap tamak dan mengeruhkan iklim pelaburan negara yang bertanggungjawab mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada mereka selama ini.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan seminar antarabangsa mengenai peluang-peluang pelaburan di kawasan-kawasan pembangunan wilayah negara ini, di sini pagi tadi.

Seminar anjuran Lembaga Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDA) itu ditaja bersama oleh Syarikat Kemajuan Kewangan Perusahaan Malaysia Bhd. (MIDF), Bank Pembangunan Malaysia, Syarikat Shell Malaysia dan Malayan Banking.

Ketika menghuraikan serba ringkas tujuan Kerajaan meminda Akta Buruh baru-baru ini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata ia mencerminkan usaha pemerintah mewujudkan iklim pelaburan yang sihat sesuai bagi pertumbuhan perindustrian.

"Kerajaan berusaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk bella negara yang terpelajar yang mencurahkan tenaga manusia pasaran tenaga manusia setiap tahun," katanya.

Usaha

"Usaha dan dedikasi sedemikian yang telah kami ambil selama inilah yang dapat mewujudkan ribuan peluang pekerjaan yang dinikmati rakyat sekarang.

"Bagaimanapun, mereka yang sudah bekerja sekarang tidak seharusnya bersikap tamak dengan cuba mengeruhkan iklim pelaburan yang bertanggungjawab terhadap penciptaan peluang kerja bagi mereka sendiri," katanya serius.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir lagi, sekiranya Kerajaan tidak merancang dasar dan undang-undang serta peraturan negara untuk membolehkan Malaysia menikmati iklim pelaburan seperti hari ini, tentu sekali beribu pekerja yang ada sekarang serta ratusan mereka dalam Kesatuan Sekerja termasuk pemimpin-pemimpinnya, akan berterusan menganggur.

Konfrantasi

"Iklim pelaburan negara yang kita wujudkan adalah kepunyaan rakyat Malaysia, sama ada yang sudah bekerja atau menganggur.

"Sekiranya Kesatuan-kesatuan Sekerja berterusan mewujudkan keadaan berkonfrantasi dengan majikan dan Kerajaan, landasan ekonomi negara yang kukuhnya kita jadikan tempat menyandarkan nasib mencari nafkah, pasti akan runtuh," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata pihak majikan, sama ada dari luar atau tempatan, perlu memberi perhatian lebih serius terhadap kehendak dan aspirasi pekerja mereka, terutama berikutan pindaan Undang-undang Buruh baru-baru ini.

Usaha dan sikap sedemikian, katanya, akan menolong mewujudkan dan memupuk persekitaran kerja yang sihat serta keharmonian

No. Siri

No. Penerbitan